



## DOKUMEN SEBUT HARGA ZON TELUK INTAN

**TAJUK : TAWARAN SEBUT HARGA KONTRAK PERKHIDMATAN  
PEMUNGUTAN DAN PENGANGKUTAN SISA PEPEJAL**

FAIL SEBUT HARGA : MPTI/150/182 JLD 3  
NO. RUJ. SEBUT HARGA : MPTI/P/19/2024-JPP/SP  
TARIKH IKLAN : 19/04/2024  
TARIKH JUAL DOKUMEN : 19/04/2024 HINGGA 30/04/2024 JAM  
12.00 TENGAH HARI  
TARIKH TUTUP : 30/04/2024  
MASA : 12.00 TENGAH HARI  
BAYARAN PEMPROSESAN : RM50.00  
DOKUMEN

**SENARAI KANDUNGAN**

<b>BIL. KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>1. IKLAN TAWARAN</b>	<b>3 – 5</b>
<b>2. DOKUMEN SEBUT HARGA</b>	
<b>2.1 Spesifikasi Kerja</b>	<b>6-20</b>
<b>2.2 Kawasan Kontrak</b>	<b>21-26</b>
<b>2.3 Borang Tawaran</b>	<b>27</b>
<b>2.3.1 - Lampiran A</b>	<b>28</b>
<b>2.3.2 - Lampiran B</b>	<b>29</b>
<b>2.3.3 - Lampiran C</b>	<b>30-31</b>
<b>2.3.4 - Lampiran D</b>	<b>32-33</b>
<b>2.3.5 - Lampiran E</b>	<b>34</b>
<b>3. SURAT AKUAN PEMBIDA</b>	<b>35</b>



MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN  
JALAN SPEEDY  
36000 TELUK INTAN  
PERAK DARUL RIDZUAN

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod **221002** dan **221003** bertaraf bumiputera/bukan bumiputera **beralamat dalam negeri Perak sahaja** yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini, mempunyai pengalaman, keupayaan kewangan, jentera dan peralatan yang mencukupi bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :

BIL	KONTRAK PERKHIDMATAN KERJA-KERJA PEMUNGUTAN DAN PENGANGKUTAN SISA PEPEJAL MULAI 01 JULAI 2024 HINGGA 30 JUN 2029  Kod Bidang : 221003	RUJUKAN TENDER
1	<b>ZON TELUK INTAN</b> - Lori Kompaktor : 10 Unit  Kawasan Jalan Changkat Jong bermula dari lampu isyarat Toyota hingga ke Batu 4, Jalan Sg. Manik hingga ke Taman Bestari, Jalan Manggis, Jalan Merbok, Jalan Setor Kastam, Taman Berlian, RPA Padang Tembak, Pekan Baru, Taman Intan Mas, Hotel Grand Court, Taman Seri Emas, Industri Anson, Taman Intan Mutiara, Desa Bakti, Taman Banjar Jaya, Bandar Baru Lagenda Taman Maharajalela, Taman Karentina, Taman Desa Aman dan sekitarnya.	MPTI/P/19/2024-JPP/SP
2	<b>ZON LANGKAP</b> - Lori Kompaktor : 3 Unit  Kawasan Langkap, Pekan Chenderong Balai, Kg. Pelawan, Kg. Chui Chak, Kg. Batu 12, Taman Orkid Batu 12 dan sekitarnya.	MPTI/P/20/2024-JPP/SP
3	<b>ZON BAGAN DATUK</b> - Lori Kompaktor : 3 Unit  Kawasan Taman Semesti Selesa, Kg. Jenderata, Simpang Empat, Hutan Melintang, Taman Sri Bernam, Jalan Tepi Sungai, Taman Cenderawasih, SMK Hutan Melintang, Taman Industri Kancil, Pekan Batu 20, Taman Sg. Sumun, Pekan Bagan Datuk dan sekitarnya.	MPTI/P/21/2024-JPP/SP



BIL	KONTRAK PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN KAWASAN (PEMOTONGAN RUMPUT DAN KUTIPAN LONGGOKAN SISA KEBUN / SISA PUKAL) MULAI 01 JULAI 2024 HINGGA 30 JUN 2029  Kod Bidang : 221002	RUJUKAN TENDER
1	<b>ZON A1</b> - Lori Terbuka : 2 Unit Kawasan Perumahan Dan Perniagaan Sekitar Jalan Sg. Nibong, Jalan Woo Saik Hong, Jalan Pasir Bedamar dan sekitarnya.	MPTI/P/22/2024-JPP/P
2	<b>ZON A2</b> - Lori Terbuka : 2 Unit Kawasan Jalan Maharajalela, Jalan Sultan Abdullah dan sekitar Kg Bahagia.	MPTI/P/23/2024-JPP/P
3	<b>ZON B</b> - Lori Terbuka : 2 Unit Kawasan Perumahan Dan Perniagaan Sekitar Jalan Sultan Abdullah, Jalan Padang Tembak, Jalan Kg Banjar Dan Jalan Sultan Abdullah	MPTI/P/24/2024-JPP/P
4	<b>ZON C</b> - Lori Terbuka : 2 Unit Kawasan Perumahan Dan Perniagaan Sekitar Batak Rabit Dan Jalan Maharajalela	MPTI/P/25/2024-JPP/P
5	<b>ZON D</b> - Lori Terbuka : 2 Unit Kawasan Perumahan Dan Perniagaan Sekitar Simpang Empat Dan Hutan Melintang	MPTI/P/26/2024-JPP/P
6	<b>ZON E</b> - Lori Terbuka : 2 Unit Kawasan Perumahan Dan Perniagaan Sekitar Jalan Bagan Datuk Hingga Pekan Bagan Datuk	MPTI/P/27/2024-JPP/P
7	<b>ZON F</b> - Lori Terbuka : 2 Unit Kawasan Perumahan Dan Perniagaan Sekitar Langkap, Chenderong Balai Dan Jalan Changkat Jong	MPTI/P/28/2024-JPP/P

- Senarai penuh kawasan kerja seperti di dalam Lampiran Borang Sebut Harga



Dokumen tender boleh dimuat turun melalui laman sesawang Majlis Perbandaran Teluk Intan ([www.mpti.gov.my](http://www.mpti.gov.my)) mulai jam 9.00 pagi pada 19/04/2024 hingga 30/04/2024. Tarikh akhir muat turun borang adalah pada 30/04/2024 jam 12.00 tengah hari. Prosedur pembelian borang tender adalah tertakluk seperti berikut :

- 2.1 Borang tender boleh dimuat turun dari portal Majlis : [www.mpti.gov.my](http://www.mpti.gov.my)
- 2.2 Pembayaran sebanyak RM50.00 perlu dibuat di kaunter bayaran MPTI sebagai bayaran pemprosesan dokumen bagi setiap satu Zon.
- 2.3 Sila masukkan nombor rujukan tender serta nama syarikat semasa membuat Pembayaran di kaunter bayaran MPTI.  
- (contoh : MPTI/P/20/2024-JPP/SP)
- 2.4 Resit bayaran perlu dikepilkkan bersama dokumen tender sebagai bukti pembayaran. Bagi borang tender yang tidak disertakan dengan resit bayaran, dokumen tidak akan diproses.
- 2.5 Tarikh tutup untuk menghantar dokumen tender adalah pada atau sebelum **30/04/2024 (Selasa) jam 12.00 tengah hari**.
- 2.6 Mengemukakan Geran Asal jentera atas nama syarikat/pemilik syarikat berdasarkan keperluan bilangan jentera di dalam iklan sebut harga.  
**(Kegagalan mengemukakan Geran Asal jentera akan mengakibatkan sebut harga tidak akan dipertimbangkan).**
- 2.7 Dokumen tender yang telah dilengkapkan hendaklah dihantar di dalam Peti Tawaran di alamat berikut :

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran (Peti Tawaran)**

**Aras 1, Pintu 9**

**Majlis Perbandaran Teluk Intan  
Jalan Speedy, 36000 Teluk Intan**

Majlis Perbandaran Teluk Intan tidak terikat untuk menerima dokumen tender yang terendah atau sebarang dokumen tender. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen tender yang tidak terdapat di dalam Peti Tawaran setelah Peti Tawaran dibuka.



**(ZAIRUL AKMAL BIN KASIM, PMP)**  
**Yang Dipertua**  
**Majlis Perbandaran Teluk Intan,**  
**Teluk Intan, Perak**



## **SPESIFIKASI PERKHIDMATAN KERJA KONTRAK PEMUNGUTAN DAN PENGANGKUTAN SISA PEPEJAL DI DALAM KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN**

### **1. TAKRIFAN**

#### **1.1 SAMPAH-SARAP**

Bermaksud sebarang bahan atau benda yang dibuang di hadapan atau di belakang sebarang premis/bangunan atau tempat-tempat awam, kawasan lapang, jalan atau ditepi tepi jalan/bahu jalan termasuk, sisa-sisa perdagangan/perniagaan, sisa-sisa binaan serta sampah kebun termasuk daun-daun, jejalar rumput, ranting, dahan, batang-batang pokok dari taman, atau tanah atau perkarangan sesuatu rumah/premis/bangunan dan termasuklah juga najis-najis atau bangkai haiwan. Ianya juga termasuklah daun-daun dan rumput-rampai yang dipotong, perabot-perabot pecah yang dilonggokan atau dibuang di sebelah tapak tong awam atau tempat awam.

#### **1.2 PEMUNGUTAN SAMPAH-SARAP**

Bermaksud memungut, mengangkut dan membuang segala sampah-sarap /longgokan sampah dari pusat-pusat tong sampah awam, tong-tong persendirian daripada rumah-rumah, kedai-kedai/premis perniagaan, rumah-rumah pangsa, bengkel-bengkel/perusahaan ringan, perusahaan sederhana, perusahaan berat, padang/taman permainan pejabat-pejabat, sekolah/institusi pengajian tinggi, kolej, pasar awam, pasar persendirian pasar malam, pasar minggu, pasar harian, tempat awam atau apa-apa premis/bangunan di dalam kawasan kontrak atau yang diarahkan oleh Majlis dari masa ke semasa.



## 2. BIDANG KERJA

### 2.1 PEMUNGUTAN DAN PEMBUANGAN LONGGOKAN SAMPAH

- 2.1.1 Pemungutan dan pembuangan longgokan sampah-sarap dari tapak tong sampah awam, pasar awam, pasar persendirian, pasar harian, pasar malam, atau apa-apa tempat-tempat awam dalam Kawasan Kontrak atau mana-mana yang berkaitan di kawasan-kawasan yang berkenaan.
- 2.1.2 Pemungutan dan pembuangan sampah-sarap dari tong-tong sampah persendirian daripada rumah rumah kediaman, kedai-kedai/premis perniagaan/perusahaan, rumah pangsa, pejabat-pejabat, sekolah-sekolah/ institusi pengajian, pasar, pasar malam, tempat-tempat awam atau apa-apa premis/bangunan dalam Kawasan Kontrak atau mana-mana yang berkaitan di kawasan-kawasan yang berkenaan.
- 2.1.3 Kawasan sekitar tapak tong sampah awam hendaklah dibersihkan daripada semua sisa binaan dan sisa buangan lain (perabot pecah dan sebagainya) dan hendaklah dipastikan kesemua longgok sampah-sarap habis dikutip.
- 2.1.4 Kesemua sampah-sarap yang dipungut hendaklah dibuang ke tempat pelupusan/pembuangan sampah Majlis atau di tempat pembuangan yang diluluskan oleh Majlis.
- 2.1.5 Sampah-sarap hendaklah sentiasa dalam keadaan bertutup semasa dalam perjalanan atau ke tempat pembuangan.



### **3. PEMBUANGAN SAMPAH DAN HASIL KERJA**

Kontraktor hendaklah membuang dan melupuskan segala sampah-sarap dan sisa-sisa buangan yang dipungut serta segala hasil kerja pembersihan ke tempat pelupusan sampah yang ditetapkan oleh Majlis.

### **4. PENGANGKUTAN KE TEMPAT PEMBUANGAN SAMPAH**

Kontraktor hendaklah memastikan tidak ada apa-apa sampah atau bahan yang diangkut dari pusat-pusat pemungutan atau hasil kerja dalam kawasan kerja ke tapak pembuangan tercicir, bocor, tumpah, tiris dan sebagainya ke atas mana-mana jalan raya awam atau mana-mana juga tempat semasa dalam perjalanan ke tempat pembuangan. Kontraktor juga hendaklah mengambil tanggungjawab meneliti supaya menutup sampah-sarap dengan plastik atau apa-apa bahan penutup lain yang sesuai semasa dalam perjalanan ke tempat pembuangan sampah.

### **5. KAWASAN KERJA**

Kawasan kerja yang tertakluk di bawah kontrak ini adalah meliputi kesemua bidang tugas pembersihan/di seluruh kawasan – Sila rujuk **Bahagian Empat Kawasan Kontrak Pemungutan Sampah.**

### **6. JADUAL / KEKERAPAN KERJA**

#### **6.1 Pemungutan sampah dalam Kawasan Kontrak**

6.1.1 Semua longgokan sampah tanpa kebenaran atau apa-apa bahan buangan seperti dibawah, **pemungutan sampah hendaklah dilakukan setiap hari termasuklah hari Ahad dan hari hari Kelepasan Am dan pastikan keadaan sentiasa bersih serta tiada sampah :**



- (i) Daripada tapak tong awam;
- (ii) Daripada tanah lapang, tepi dan bahu jalan;
- (iii) Daripada tong-tong sampah jenis perniagaan/premis kedai/gerai/ pusat penjaja; dan
- (iv) Daripada tong-tong sampah premis-premis lain seperti sekolah, pejabat dan sebagainya.
- (v) Selain daripada Institusi Kerajaan dan Swasta

6.1.2 Semua longgokan sampah tanpa kebenaran atau apa-apa bahan buangan seperti dibawah, **pemungutan sampah hendaklah dilakukan sebanyak TIGA (3) kali dalam tempoh satu (1) minggu termasuklah hari Ahad dan hari-hari Kelepasan Am dan pastikan keadaan sentiasa bersih serta tiada sampah :**

- (i) Daripada rumah rumah kediaman, rumah-rumah taman perumahan atau apa apa premis /bangunan dalam Kawasan Kontrak ini.

6.1.3 Semua longgokan sampah di dalam dan persekitaran tong kompaktor milik **Institusi Kerajaan dan Swasta**, **pemungutan sampah hendaklah dilakukan sebanyak TIGA (3) kali dalam tempoh satu (1) minggu termasuklah hari Ahad dan hari-hari Kelepasan Am dan pastikan keadaan sentiasa bersih serta tiada sampah.**

6.2 Pemungutan sampah daripada Pasar Malam dan Kawasan Kontrak - **dilakukan pada keesokan hari pada sebelah pagi** dan pemungutan sampah daripada Pasar Pagi hendaklah **dilakukan selepas tamat perniagaan**.

6.3 Sampah-sarap semasa perayaan/sambutan, musim buah-buahan, kecemasan dan lain-lain keadaan yang akan ditentukan dari masa ke semasa – **Pemungutan dibuat apabila terdapat keperluan ataupun sepetimana yang akan diarahkan dari masa ke semasa**.



## 7. LAWATAN DAN PEMERIKSAAN KE KAWASAN KERJA

Kontraktor hendaklah melawat serta memeriksa dan meneliti kesemua kawasan penyelenggaraan dan berpuashati terhadap keadaan semulajadi dan jenis pekerjaan di dalam Kontrak ini. Sebarang tuntutan bayaran lebihan atau sebaliknya daripada jumlah yang telah dipersetujui di dalam tawaran tidak dibenarkan jika ianya salah anggaran atau tersalah kira oleh pihak Kontraktor.

## 8. BURUH JENTERA DAN PERALATAN KERJA

### 8.1 SYARAT –SYARAT AM

- 8.1.1. Kontraktor hendaklah mengadakan dan menyediakan pekerja-pekerja yang mencukupi bagi kerja-kerja yang akan dijalankan di bawah Kontrak ini dengan perbelanjaan ditanggung sepenuhnya oleh Kontraktor dengan perbelanjaannya sendiri. Bilangan pekerja hendaklah sama dengan bilangan pekerja semasa tawaran ini ditawarkan dan bilangannya hendaklah sentiasa sama di sepanjang Perjanjian ini berkuatkuasa.
- 8.1.2. Bagi maksud kesempurnaan menjalankan kerja-kerja, Kontraktor hendaklah memastikan segala peralatan, kenderaan dan jentera-jentera itu sentiasa berada dalam keadaan baik, berfungsi dan selamat digunakan. Jika berlaku apa-apa kerosakan dan sebagainya, gantian hendaklah dibuat secara segera bagi meneruskan kerja-kerja Kontrak tersebut.
- 8.1.3. Bilangan pekerja, jentera/kenderaan dan peralatan kerja yang disediakan di dalam tawaran ini hendaklah menunjukkan bilangan sebenar yang akan diadakan pada setiap masa dan sentiasa mencukupi untuk digunakan bagi melaksanakan semua kerja di bawah Kontrak ini. (Maklumat pekerja hendaklah dikemukakan melalui



Borang Maklumat Pekerja yang disediakan di **Lampiran C** dalam **Dokumen Sebut harga**.

- 8.1.4 Majlis mempunyai budi bicara untuk mengarahkan Kontraktor menambahkan bilangan kenderaan/jentera, peralatan dan pekerja jika didapati bilangan yang disediakan itu tidak mencukupi dari masa ke semasa tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

## 8.2 JENTERA/KENDERAAN/LORI

- 8.2.1 Bagi menjalankan kerja-kerja pengangkutan sampah, Kontraktor hendaklah menyediakan dan menggunakan lori/kenderaan yang diluluskan untuk mengangkut sampah dalam Kawasan Kontrak ini. Segala kos penyewaan atau sesuatu yang berkaitan dengannya hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Kontraktor dengan perbelanjaannya sendiri.
- 8.2.2 Kontraktor hendaklah mengadakan tanda nama di sebelah kiri dan kanan pada badan lori/kenderaan berkenaan dengan meletakkan Nama Syarikat dan perkataan **“KONTRAK PEMBERSIHAN KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN. SEBARANG ADUAN, SILA HUBUNGI NO:.....”**.  
**KEGAGALAN MELETAKKAN TANDA NAMA TERSEBUT BOLEH DIKENAKAN BAYARAN GANTI ROSAK RM100.00 SEHARI.**
- 8.2.3 Jika terdapat mana-mana kenderaan/jentera/lori sampah Kontraktor rosak atau tidak dapat berfungsi sepenuhnya untuk menjalankan kerja-kerja Kontrak tersebut, maka Kontraktor hendaklah bertanggungjawab menggantikannya dengan serta-merta pada hari yang tersebut dengan kenderaan/lori lain dengan perbelanjaannya sendiri bagi meneruskan kerja-kerja Kontrak tersebut.



- 8.2.4 Kontraktor hendaklah untuk mengemukakan jenis lori kompaktor (pemadat) tertutup dan lori terbuka (Tripper lorry) yang akan digunakan melalui Borang Format Kenderaan lori yang disediakan di **Lampiran D** dalam **Dokumen Sebut harga.**
- 8.2.5 Kontraktor mestilah menyediakan lori sendiri atau menggunakan lori yang disewakan dengan menggunakan dokumen perjanjian sewa dengan pemilik berdaftar lori tersebut kepada Majlis.

### **8.3 PAKAIAN SERAGAM**

- 8.3.1 Kontraktor hendaklah menyediakan pakaian seragam yang mencukupi serta sarung tangan, kasut dan lain-lain peralatan tersebut yang sesuai kepada setiap pekerja mereka pada setiap masa semasa melaksanakan kerja-Kerja kontrak tersebut. Warna pakaian tersebut akan ditentukan mengikut warna yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis dan hendaklah diletakkan nama syarikat berkenaan di sebelah belakang baju/pakaian tersebut.  
**KEGAGALAN MEMATUHI ARAHAN PEMBERIAN DAN PEMAKAIAN PAKAIAN SERAGAM BOLEH DIKENAKAN BAYARAN GANTI ROSAK RM100.00 SEORANG/SEHARI.**

- 8.3.2 Kontraktor hendaklah menyediakan "**KELENGKAPAN PELINDUNG DIRI (PPE)**" untuk dipakai atau dipegang oleh seseorang yang sedang bekerja dan yang melindunginya terhadap satu atau lebih risiko kepada kesihatan atau keselamatannya dan apa-apa aksesori tambahan yang direka bentuk untuk memenuhi matlamat itu tertakluk dibawah Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514).



#### 8.4 TENAGA PEKERJA

- 8.4.1 Bagi maksud menjalankan kesemua pekerjaan di bawah kontrak ini, Kontraktor hendaklah setiap masa mengadakan/menyediakan tenaga pekerja termasuk penyelia, pemandu dan pekerja am dan berdaftar dengan pihak berwajib seperti PERKESO/Jab.Tenaga Kerja.
- 8.4.2 Majlis mempunyai budi bicara dan berhak meminta Kontraktor menambahkan bilangan pekerja sekiranya didapati tidak mencukupi untuk menjalankan atau menyempurnakan kerja-kerja.
- 8.4.3 Jika didapati pekerja-pekerja Kontraktor tidak hadir, bercuti atau berhenti maka Kontraktor hendaklah bertanggungjawab menggantikannya dengan segera dengan pekerja lain supaya kerja-kerja yang dijalankan itu tidak terjejas. **KEGAGALAN MEMATUHI ARAHAN UNTUK MEMBUAT GANTIAN BOLEH DIKENAKAN BAYARAN GANTI ROSAK SEORANG/SEHARI RM100.00**

#### 9. PERWAKILAN KONTRAKTOR

Bagi maksud kesempurnaan dan kelincinan perjalanan kerja di dalam Kontrak ini, Kontraktor hendaklah melantik seorang pengurus atau penyelia yang bertanggungjawab untuk berurusan dalam apa-apa arahan yang akan diberi kepada wakilnya itu oleh pegawai Majlis atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua dan hendaklah dianggap sebagai telah diberikan sepenuhnya kepada Kontraktor.

#### 10. PEJABAT TAPAK (SITE OFFICE)

Kontraktor hendaklah mengadakan atau menyediakan sebuah pejabat tapak atau 'Site Office' dan 'Depot' dengan kemudahan yang diperlukan di tempat yang sesuai di dalam kawasan Kontrak untuk



tujuan berurusan di antara Majlis dengan pihak Kontraktor berhubung dengan hal-hal yang berkaitan dengan kerja-kerja di dalam tempoh Kontrak ini berjalan.

#### **11. PEKERJA YANG TIDAK MEMUASKAN**

Majlis pada bila-bila masa berhak untuk meminta mana-mana pekerja Kontraktor diberhentikan kerja sekiranya didapati bahawa pekerja itu tidak sesuai bekerja dengan Kontraktor, prestasi kerjanya tidak memuaskan atau merosakkan imej Majlis.

#### **12. GANGGUAN / HALANGAN**

Kontraktor hendaklah memastikan tidak ada sebarang gangguan atau halangan kepada orang awam atau harta benda semasa melaksanakan kerja-kerja Kontrak tersebut. Jika didapati terdapatnya gangguan atau halangan berlaku maka pihak Majlis boleh mengambil tindakan di bawah peruntukan undang-undang yang sedia ada.

#### **13. KESEMPURNAAN KERJA**

- 13.1 Bagi maksud kesempurnaan kerja-kerja di bawah Kontrak ini, kesemua pekerja hendaklah pada setiap masa melaksanakan kerja tersebut ke tahap kebersihan yang memuaskan hati pihak Yang Dipertua, pegawai Majlis yang dilantik atau wakilnya mengikut syarat-syarat dan penentuan sebagaimana diarahkan dari masa ke semasa.
- 13.2 Sekiranya kerja-kerja Kontrak tersebut tidak dijalankan dengan cara yang tidak memuaskan hati, maka Majlis berhak mengambil mana-mana tindakan seperti berikut:
  - 13.2.1 Memotong atau tidak membayar bayaran perkhidmatan bulanan;
  - 13.2.2 Membuat potongan bayaran seperti di bawah  
**Perenggan 14 Spesifikasi Perkhidmatan Kerja Kontrak** dan/atau;



13.2.3 Menamatkan Kontrak dengan memberi notis bertulis dalam tempoh **tiga puluh (30) hari.**

#### 14. POTONGAN BAYARAN

- 14.1 Jumlah potongan dan denda yang dibuat ke atas kerja-kerja yang tidak dijalankan atau tidak memuaskan akan ditolak daripada jumlah asal harga kontrak sebulan, semasa bayaran pada bulan berkenaan dibuat.
- 14.2 Kadar Potongan Bayaran dibuat seperti berikut - **Jadual Pecahan Kadar Harga.**
- 14.2.1 Pemungutan sampah yang tidak dibuat mengikut jadual ketetapan atau seperti diarahkan – bayaran akan dipotong berdasarkan kadar/harga dalam **Lampiran B.**
- 14.2.2 Jika sampah-sarap atau hasil kerja tidak dibuang ke tempat pembuangan sampah yang ditetapkan oleh **MAJLIS** atau jika didapati **KONTRAKTOR** membuangnya di mana-mana tempat/kawasan lain atau diluar daripada kawasan **KONTRAK** - **SAMPAH-SARAP YANG DIBUANG ITU TIDAK AKAN DIBAYAR.**
- 14.2.3 Pihak Majlis berhak dan berkuasa penuh melantik Kontraktor lain sekiranya Kontraktor sedia-ada gagal menjalankan fungsi dan kesempurnaan kerja dengan tanggungan bayaran sepenuhnya dibawah Kontraktor sedia-ada.

#### 15. BON PERLAKSANAAN

- 15.1 Kontraktor hendaklah, sebagai syarat terdahulu sebelum memulakan sesuatu kerja di bawah Kontrak ini, mendepositkan dengan Majlis suatu **Bon Pelaksanaan berbentuk Jaminan Bank** yang diluluskan dan didaftarkan di Malaysia yang senilai dengan kadar **Dua Perpuluhan Lima peratus (2.5%) hingga**



**Lima peratus (5%) daripada jumlah harga tawaran bagi tawaran di bawah RM500,000.00 dan melebihi RM500,000.00**

- 15.2 Bon Pelaksanaan hendaklah ditetapkan sah dan terus sah dan berkuatkuasa bagi sesuatu tempoh sebagaimana diperuntukan dalam Jaminan Bank yang diluluskan dan didaftarkan di Malaysia.
- 15.3 Jika Kontraktor tidak melaksanakan Kontrak ini atau melakukan apa-apa perlanggaran terhadap mana-mana obligasinya di bawah Kontrak ini, maka Majlis atau mana-mana pegawai yang diberikuasa secara bertulis olehnya boleh menggunakan atau membuat potongan daripada Bon Pelaksanaan tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya mengikut klausula-klausula Kontrak ini.
- 15.4 Bon Pelaksanaan (atau apa-apa bakinya yang masih ada) hendaklah dilepaskan atau dipulangkan kepada Kontraktor apabila tamat tempoh Kontrak tersebut. Tiada sebarang faedah akan dibayar oleh Majlis ke atas Bon Pelaksanaan tersebut.

## **16. AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969**

- 16.1 Kontraktor mestilah dalam tempoh **empat belas (14) hari** daripada tarikh pemberitahuan bahawa tawarannya telah diterima atau dalam mana-mana tempoh dilanjutkan sebagaimana yang dibenarkan secara bertulis oleh Yang Dipertua dan sebelum dokumen-dokumen kontrak ditandatangani, dikehendaki supaya pekerja-pekerja yang diambil bekerja di dalam Kontrak ini diberi perlindungan di bawah **Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969**. Dalam hal demikian, Kontraktor hendaklah mendaftarkan pekerja-pekerjanya dan mencarumkan dibawah **Skim Keselamatan Sosial (PERKESO)** dan mematuhi peruntukan-peruntukan Akta tersebut.



- 16.2 Kontraktor hendaklah membayar semua caruman dari masa ke semasa pada hari pertama caruman itu sepatutnya dibayar dan sehingga tamat kontraknya.
- 16.3 Jika Kontraktor melakukan apa-apa kemungkiran kepada mematuhi terma-terma ini, maka Majlis atau mana-mana pegawai Penguasa boleh tanpa menjejas apa-apa remedii lain yang ada pada Majlis kerana pelanggaran terhadap mana-mana klausa Kontrak ini:
  - (i) Menahan sejumlah wang dari apa-apa wang yang jika tidak kerana kemungkiran itu kena dibayar kepada Kontraktor di bawah Kontrak ini dan yang pada pendapat Pegawai Penguasa akan menjelaskan apa-apa tuntutan pampasan oleh pekerja-pekerja yang sepatutnya ditanggung oleh Skim PERKESO jika Kontraktor tidak melakukan kemungkiran dalam menyelenggarakan caruman, dan/tidak
  - (ii) Membayar apa-apa caruman yang genap masanya dibayar dan masih belum dibayar dan memotong amaun caruman itu dari apa-apa wang yang kena dibayar atau genap masanya kena dibayar kepada Kontraktor.

## 17. PENAMBAHAN ATAU PENGURANGAN KERJA

- 17.1 Majlis berhak pada bila-bila masa boleh mengeluarkan arahan untuk kerja-kerja tambahan atau pengurangan daripada kerja asal yang telah ditetapkan di dalam Spesifikasi Perkhidmatan Kerja Kontrak ini.
- 17.2 Jika terdapat penambahan atau pengurangan kerja-kerja daripada yang ditetapkan, maka Kontraktor hendaklah mengambil tanggungan untuk melaksanakan kerja-kerja tambahan atau menerima pengurangan tersebut.



- 17.3 Sebarang tambahan atau pengurangan akan dikira mengikut kadar yang telah ditetapkan di dalam borang pecahan kadar harga dalam tawaran ini.
- 17.4 Sekiranya kadar harga untuk kerja-kerja tambahan/pengurangan tidak terdapat di dalam tawaran atau kerja-kerja yang dilakukan di luar kawasan Kontrak, maka satu kadar yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak akan digunakan.

## 18. MASA BEKERJA

- 18.1 Kontraktor hendaklah melaksanakan kerja-kerja di bawah Kontrak ini mengikut masa-masa yang dibenarkan oleh Majlis iaitu bermula jam **6.30 pagi hingga 7.00 petang** atau sebagaimana yang diarahkan dari masa ke semasa. Sekiranya masa-masa bekerja tersebut tidak mencukupi untuk menyempurnakan kerja-kerja, Kontraktor hendaklah menyambung kerja-kerjanya dalam waktu tambahan. Majlis boleh mengarahkan kerja-kerja dijalankan pada hari Ahad dan hari-hari Kelepasan Am lain sekiranya difikirkan perlu.
- 18.2 Dalam hal-hal yang tertentu semasa tempoh Kontrak ini berkuatkuasa, Kontraktor boleh mengubah waktu bekerja mengikut kesesuaian berdasarkan jenis pekerjaan yang akan dilakukan dengan **mendapat kebenaran Majlis secara bertulis** terlebih dahulu atau sebagaimana diarahkan dari masa ke semasa.

## 19. BILANGAN LONGGOKAN SAMPAH-SARAP, PARIT/LONGKANG DAN KAWASAN RUMPUT

Bilangan pusat pemungutan di premis/bangunan/rumah kediamaan yang dinyatakan di dalam Kontrak ini seperti di Lampiran mengikut ZON. Majlis berhak untuk menambah atau mengurang bilangan tersebut yang sama ada tersalah pengiraan atau jika difikirkan perlu dari masa ke semasa. Jika terdapat penambahan atau pengurangan,



maka perubahan akan dibuat mengikut **Perenggan 17 Spesifikasi Perkhidmatan Kerja Kontrak** ini.

## **20. KONTRAK MENGANGKUT SISA PEPEJAL YANG MASIH BERKUATKUASA**

Bagi kawasan taman-taman perumahan atau mana-mana tempat tertentu dalam kawasan Kontrak ini terdapat kontrak mengangkut sisa pepejal atau lain-lain kerja kontrak yang masih berkuatkuasa, kerja-kerja tersebut tidaklah termasuk di bawah bidang kerja dalam Kontrak ini.

## **21. SYARAT-SYARAT LAIN**

- 21.1 Syarat-syarat tambahan lain yang tidak termasuk atau tidak dinyatakan secara terperinci di dalam **Spesifikasi Perkhidmatan Kerja Kontrak** ini adalah tertakluk kepada arahan Majlis dari masa ke semasa.
- 21.2 Majlis berhak pada bila-bila masa untuk membuat potongan bayaran ke atas bayaran bulanan kontrak tanpa sebarang notis kepada Kontraktor sekiranya Kontraktor mempunyai apa jua tanggungan lain dengan pihak Majlis dan apa-apa kerosakan fasiliti atau kemudahan awam /aduan awam yang disebabkan oleh jentera/pekerja. Potongan akan terus dibuat sehingga semua tanggungan tersebut diselesaikan.
- 21.3 Kontraktor adalah dilarang sama sekali menyerahkan kerja-kerja perkhidmatan yang ditawarkan itu kepada mana-mana PIHAK KETIGA (sub-contract).
- 21.4 Kontraktor hendaklah mengambil **Insurans Liabiliti Awam** sebanyak **RM200,000.00 (RINGGIT MALAYSIA: DUA RATUS RIBU SAHAJA)** untuk melindungi Majlis daripada apa-apa tuntutan Pihak Ketiga. Salinan asal insurans tersebut hendaklah dikemukakan kepada Majlis.
- 21.5 Majlis berhak pada bila-bila masa melalui pegawai yang dilantik mengarahkan pihak Kontraktor membekalkan/ menyediakan



tong kompaktor di lokasi-lokasi yang akan ditentukan kelak apabila terdapat keperluan sepertimana yang diarahkan dari semasa ke semasa.

- 21.6 Kontraktor hendaklah mengemukakan penyata akaun bank kepada Majlis dari masa ke semasa.

## **22. MAKLUMAT KERJA**

Maklumat-maklumat berkaitan dengan kerja-kerja kontrak/spesifikasi/pelan kawasan boleh didapati dengan menghubungi:

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN  
JALAN SPEEDY  
36000 TELUK INTAN  
PERAK DARUL RIDZUAN  
(U.P: BAHAGIAN PEMBERSIHAN)**

**NO. TEL: 05-6221277 / 05-6221299**



BIL	ZON TELUK INTAN
1	Jalan Changkat Jong (dari simpang Jalan Sultan Abdullah ke Jalan Selabak)
2	Balai Bomba Teluk Intan - Jalan Laksamana
3	Jalan Laksamana
4	Taman Intan Jalan Laksamana
5	Pusat Perniagaan Sri Intan
6	Kedai 2 Tingkat - Kawasan Restoran Tai Chong
7	Perumahan Sebelah Hup Soon Workshop
8	Kawasan kampung Jalan Laksamana
9	Taman Gemilang
10	Taman Laksamana
11	Pangsa JKR – Jalan Laksamana
12	Taman Sentosa - Jalan Laksamana
13	Taman Sri Manggis Jalan Laksamana
14	Taman Desa Indah Jalan Laksamana
15	Lorong Hulu Balang F 3/10 - Jalan Changkat Jong
16	Taman Kopi Jalan Laksamana
17	Taman Desa Laksamana
18	Taman Changkat
19	Taman Indah
20	Kampung Bharat
21	Taman Intanova - Jalan Laksamana
22	Quarters Balai Polis
23	Taman Melor Sejati
24	Taman Melor I
25	Taman Melor II
26	Taman Melor III
27	Taman Bestari Jalan Sg.Manik
28	Taman Desa Bahagia
29	Taman Sri Bahagia
30	Taman Sri Murni
31	Taman Aman Jalan Kg. Bahagia
32	Sek. Keb. Kg. Bahagia
33	Taman Manik
34	Taman Ceria Jalan Sungai Manik
35	Taman Desa Bahagia II Jalan Sungai Manik
36	Perumahan TNB Jalan Changkat Jong
37	Taman Cicely Jalan Changkat Jong
38	Taman Sri Cicely Jalan Changkat Jong
39	Taman Cicely Jaya Jalan Changkat Jong
40	Taman Cicely Maju Jalan Changkat Jong
41	Taman Panglima Jalan Changkat Jong
42	Taman Ikhlas
43	Taman Cahaya
44	Taman Nenas



45	Sek. Men. Keb. Seri Perak
46	PERODUA Jalan Changkat Jong
47	PETRONAS Jalan Changkat Jong
48	Jalan Changkat Jong Batu 3 – Batu 4 Barisan Kedai & Perumahan Tanah Lot
49	Medan Rethna Batu 4 Jalan Changkat Jong
50	Taman Desa Ramah Batu 4 Jalan Changkat Jong
51	Taman Anggerik Jalan Changkat Jong
52	Kg. Cicely Batu 4 Jalan Changkat Jong
53	Petron, BHP, Shell, TD Furniture, Cyclone Car Wash
54	Batu 4 - Lot 17636 Jalan Changkat Jong
55	Taman Desa Bahagia Fasa II
56	Sek. Men. Keb. Kg. Bahagia
57	Taman Ceria Kampung Bahagia
58	Taman Melor Impian - Rumah Kelab
59	Batu 4 Jalan Changkat Jong - Lot 16872,17633,17701,17702
60	Taman Melor Impian
61	Taman Ceria
62	Taman Setia Bahagia
63	Lot 16789 Batu 4 (Rumah 1 & 2 Tingkat)
64	Taman Qaseh Bahagia
65	Bangunan TF - Lot 16154
66	ASAZ Gemilang Trading (Bura Oill - Jalan Sg Manik)
67	Lot 25580 ( Jalan Sg Manik - Sebelah TF )
68	Taman Melor Impian II
69	Lot 17543 Batu 4 Jalan Changkat Jong
70	Taman Sri Murni
71	Taman Cicely – Kediaman Berkembar
72	Taman Intanova – Lorong Intanova 6
73	Taman Sri Bahagia – Teres Sesebuah
74	Batu 4 Jalan Changkat Jong – Lot 16735 & 16736
75	Taman Intanova – Lorong Intanova 4
76	Batu 7 Jalan Changkat Jong – Asrama Pekerja Kilang
77	Taman Sri Manggis – Lorong Bentara 4
78	Taman Melor III – Persiaran Melor 7 & 8
79	Taman Melor Impian – Jalan MI 1
80	Stesen Minyak Petron Kg. Bahagia
81	Batu 4 Jalan Changkat Jong – Lot 17580 – Kediaman kembar 1 Tingkat
82	Jalan Sultan Abdullah keseluruhan termasuk Asrama Lelaki & Petronas
83	Perumahan Kedai Ipoh Enterprise Jalan Sultan Abdullah
84	Kedai Safety Bateri dan perumahan belakang
85	Kedai PT.502,503,504 Jalan Sultan Abdullah
86	Blok Hotel Sri Bandar
87	Pangsa Riang
88	Taman Desa Ria
89	Antek Avenue Jalan Sultan Abdullah
90	Taman Hoover (Baru/lama )
91	Taman Zahari Zabidi



92	Taman Teluk Intan I
93	Taman Teluk Intan II
94	Sek. Men. San Min Taman Teluk Intan
95	Taman Orkid dan kedai
96	Taman Lucky
97	Taman Merbok termasuk Pangsapuri Kota Ria
98	Hong Kong Park
99	Kean Seng Park
100	Jalan Maharaja Lela
101	Taman Industri MPTI Jalan Maharajalela
102	Kawasan Bangunan Koperasi (4) dan Bengkel SKOMK
103	Perumahan belakang Kampung Esso
104	Petron Service Station Jalan Maharajalela
105	Jalan Mustaffa Al Bakri
106	Jalan Siputum (Jalan Kekabu)
107	Jalan Padang Tembak (dari Jalan Maharajalela - parit JPS) Lot 15450
108	Pejabat Projek JPS
109	Pejabat Baru JKR
110	TAP (46 unit)
111	Taman Maju Intan
112	Imperial Centre Business Park Jalan Maharajalela
113	Sek Ren Chong Min
114	Kuarters Kerajaan Belakang Petronas
115	Kompleks Dan Kuarters Kastam
116	Medan Selera City Mewah
117	Taman Merbok Jaya
118	Industri Teres Lot 1046 Jln Maharajalela
119	Jalan Kastam off Jalan Maharajalela, Caw. P/kuasa, Kuarters & Intan Press
120	Pejabat Pendidikan Hilir Perak Jalan Maharajalela
121	Kilang Milamineware Jalan Maharajalela
122	Medan Sungai Perak (Courts Mammoth)
123	Perumahan Off Jalan Padang - Jalan Changkat Jong (Belakang Tesco)
124	Perumahan depan Sek. Ren. MGS - Jalan Changkat Jong
125	Perumahan belakang rumah Dr. Appu - Jalan Changkat Jong
126	Perumahan berhampiran Kg. Muhibbah - Jalan Changkat Jong
127	Lorong Shahbandar Jalan Changkat Jong
128	Kedai 2 Tingkat - Jalan Changkat Jong (Sebelah Lotus) – Al Ikhsan
129	Kedai 2 Tingkat (depan EON) - Jalan Changkat Jong
130	Hotel Angsoka - Jalan Changkat Jong
131	Shell & Caltex Servis Station
132	Taman Sri Changkat Jong - Jalan Changkat Jong
133	Taman Aman Jalan Changkat Jong
134	Sekolah Rendah Methodist (P) - Jalan Manggis
135	Kg. Guru - Jalan Changkat Jong
136	Perumahan Lorong Limau G4/1 Jalan Changkat Jong
137	Taman Impian - Jalan Manggis
138	Taman Changkat Intan - Jalan Changkat Jong



139	Stor TNB & LAP - Jalan Changkat Jong
140	Taman Fajar Indah - Jalan Sultan Abdullah
141	Tadika Intan Methodist - Jalan Manggis
142	Taman Intan Jaya - Jalan Manggis
143	Kg.Muhibbah - Jalan Changkat Jong
144	Taman Rethna & Klinik Pakar Rajendran dan sekitarnya
145	Taman Manggis Jalan Manggis
146	Taman Makmur 1 & Jalan Manggis
147	Jalan Manggis - Jalan Changkat Jong
148	Kuarters Guru (Jalan Changkat Jong - 100)
149	Sek. Keb. Perwira & Kuarters Guru
150	Fakulti Perubatan UKM
151	Fakulti Perubatan UITM
152	Hospital Teluk Intan & Kuarters
153	Dataran Nenas Selabak
154	Kolej Vokasional Pertanian - Jalan Changkat Jong
155	Sek. Men. Abd Rahman Talib (SMART) Jalan Changkat Jong
156	Taman Teluk Intan
157	Jalan Maharajalela - Lot 1790 Perniagaan & Lorong Lot 1901 hingga 1903
158	Taman Intan Aman - Jalan Manggis
159	Taman Indah Jaya II – Kediaman Berkembar 2 ½ tingkat
160	Kedai Bengkel Jalan Maharajalela – No. 1906,1911 & Lot 1986
161	Lorong Intan Aman - No. 18 – Kediaman Sesebuah 3 Tingkat
162	LHDN
163	Taman Makmur – Lorong 3 & 4
164	Perumahan Pekan Baru
165	Pasar Pekan Baru
166	Kedai Pekan Baru
167	Perumahan Awam I
168	Perumahan Awam II
169	Perumahan Awam III
170	Kedai Perumahan Awam
171	Medan Selera Padang Tembak
172	Taman Sri Ria
173	Taman Pelangi - Padang Tembak
174	Taman Sri Idaman
175	Taman Intan Mas I
176	Taman Intan Mas II
177	Taman Intan Mas III
178	Taman Melati
179	Taman Darul Ridzuan
180	SMK Raja Muda Musa
181	Asrama SMK Raja Muda Musa
182	SK Raja Muda Musa
183	Taman Perkasa
184	Taman Jelawat
185	Taman Intan Baiduri



186	Taman Padang Tembak
187	Taman Padang Tembak IV
188	Taman Belian Jaya
189	Taman Berlian Padang Tembak
190	Taman Berlian I
191	Taman Bintang Padang Tembak
192	Hotel Grand Court - Jalan Padang Tembak
193	Sek Men Sultan Abdul Aziz
194	Taman Industri Anson
195	Tanah Lot ( Lorong Tokong Sg. Jelawat )
196	Pusat Perniagaan Intan Jalan Maharajalela
197	Taman Sri Emas
198	Taman Koperasi
199	Taman Mewah
200	Taman Mewah - PT 6005 Lorong 1 (Perniagaan)
201	Shell, Pusat Servis Honda, Nasa Tomyam
202	Kg. Atap Tiang
203	Asrama Convent, Pejabat Kesihatan, Kuarters Kerajaan – Jalan Maharajalela
204	Taman Banjar Jaya
205	Restoran 99 City
206	Taman Darul Ridzuan 2
207	Taman Raz Intan
208	Taman Qaseh Impiana
209	Taman Banjar Ria
210	Taman Selabak Bistari
211	Taman Taqwa
212	Taman Seri Setia
213	Taman Raz Intan Cassia
214	Pekan Baru – No. 42 Lorong Emas L2/1 – Kediaman Sesebuah 3 Tingkat
215	Pekan Baru – No.573-576 Lorong Emas L2/24A – Kediaman kembar 2 Tingkat
216	Pekan Baru – 593 Lorong Emas L2/24 – Kediaman sesebuah 2 ½ Tingkat
217	Taman Banjar Aman – No. 1 – 30 TBA 1 – Teres 1 Tingkat
218	Taman Banjar Indah
219	Taman Padang Tembak Fasa 4 – Lorong 12A
220	Taman Selabak Jaya – No.1 – 5 Lorong SJ 1J – Kediaman sesebuah 1 Tingkat
221	Taman Selabak Jaya – Lorong Melintang Mewah 3 & 4 – Teres 2 Tingkat
222	Taman Intan Mas – Jalan Intan Mas – Teres 2 Tingkat
223	Taman Intan Mas – Lorong Intan 19 & 20 – Teres 2 Tingkat
224	Taman Berlian – Lorong Berlian
225	Taman Kota Muhibbah
226	Taman Bersatu
227	Taman Desa Mahkota
228	Taman Bersatu II
229	Taman Intan Mutiara
230	Taman Desa Mulia
231	Taman Desa Bakti 1,2,3 & 4
232	Taman Desa Bakti



233	Taman Desa Caely
234	Taman Intan Baru
235	Taman Intan Baru II – Fasa 2
236	Taman Fajar
237	Taman Banjar Jaya II
238	Taman Banjar Jaya III
239	Ladang Batak Rabit Jalan Kg. Banjar
240	Taman Medan Maharaja
241	Taman Maharajalela
242	Taman Metah
243	Taman Pesaka
244	Taman Saujana Bakti
245	Taman Maju Indah
246	Taman Jelita
247	Taman Sri Cempaka
248	Sek. Keb. Dato' Laksamana - Jalan Maharajalela
249	Taman Karentina
250	Taman Maharani
251	Taman Angkasa
252	Taman Taman Mustika
253	Kawasan R & R
254	Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
255	Puspakom
256	Taman Desa Aman
257	Taman Muhibbah
258	Shell Service Station, Batu 7 & Taman Industri
259	Batu 3 hingga Batu 8 - Jalan Maharajalela
260	Taman Desa Mulia – Lorong Mulia 1, Jalan Mulia & Lorong Mutiara 4
261	Taman Intan Sejahtera – Lorong 7
262	Bandar Baru Taman Lagenda – Lorong 1 – 40
263	Taman Muhibbah – Lorong 6
264	Taman Intan Mutiara – Lorong Mutiara 1



## BORANG TAWARAN

Dokumen Dan Lampiran Yang Telah Lengkap Diisi Yang Perlu Dikembalikan Seperti Berikut :

1. Lampiran A
2. Lampiran B
3. Lampiran C
4. Lampiran D
5. Lampiran E
6. Surat Akuan Pembida (SPRM).
7. Resit Bayaran Pemprosesan
8. Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat (Kementerian Kewangan Malaysia) yang aktif.
9. Salinan Perakuan Pembaharuan Pendaftaran Akta Pendaftaran Perniagaan 1956. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
10. Penyata Kewangan Untuk 3 Bulan Terkini.
11. Lain-lain dokumen yang berkaitan.

**Semua dokumen hendaklah di hantar pada atau sebelum 30/04/2024 Jam 12.00 Tengah hari di dalam Peti Tender beralamat seperti berikut :**

**Majlis Perbandaran Teluk Intan  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran  
Aras 1, Pintu 9  
Jalan Speedy  
36000 Teluk Intan, Perak.**

**LAMPIRAN A**

Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Teluk Intan  
Jalan Speedy  
36000 Teluk Intan, Perak.

**BORANG JAWAPAN TAWARAN KERJA KONTRAK PERKHIDMATAN  
PEMUNGUTAN DAN PENGANGKUTAN SISA PEPEJAL****( ZON : TELUK INTAN )**

1. Kerja-kerja Pemungutan / pengangkutan sampah (dari rumah kediaman, kedai premis, perniagaan, institusi kerajaan, sekolah, tapak-tapak perniagaan dan lain-lain seperti yang diarahkan)

Harga tawaran sebulan = RM \_\_\_\_\_ ( Ringgit Malaysia : \_\_\_\_\_)

---

---

---

.....  
Tandatangan Kontraktor.....  
Nama dan Cop Rasmi Kontraktor

Nama Penuh : .....

No. K/Pengenalan : .....

Alamat Pejabat : .....

---

---

Alamat Rumah : .....

---

---

No. Telefon Pejabat: ..... No. h/p : .....

No. Akaun Bank : .....

Tarikh : .....

**LAMPIRAN B****ZON : TELUK INTAN****Pemungutan Dan Pengangkutan Sisa Pepejal**

Jenis Premis	Kuantiti	Harga 1 Unit Sehari	Harga Sebulan
i. Rumah kediaman	<b>18,679</b>	RM .....	RM ..... x 18,679 unit x 12 hari = RM .....
ii. Kedai	<b>1,426</b>	RM .....	RM ..... x 1,426 unit x 30 hari = RM .....
iii. Tong Kompaktor	<b>17</b>	RM .....	RM ..... x 17 unit x 30 hari = RM .....
iv. Tong Kompaktor Institusi	<b>70</b>	RM .....	RM ..... x 70 unit x 30 hari = RM .....
<b>Jumlah Keseluruhan : RM .....</b>			

**Jumlah harga mestalah sama dengan Lampiran A.**

**LAMPIRAN C**

YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN  
JALAN SPEEDY  
36000 TELUK INTAN

**MAKLUMAT SYARIKAT****BUTIR-BUTIR SYARIKAT**

1. Nama Syarikat : .....
2. Alamat syarikat/No. Telefon .....
3. Pendaftaran Syarikat.....  
(Sila lampirkan salinan)
  - i. Sijil Akuan Pendaftaran Di Bawah Kementerian Kewangan
  - ii. Pendaftaran Syarikat
  - iii. Pendaftaran Perniagaan
  - iv. Penyata akaun bank yang terkini dari 3 bulan yang terakhir.
4. Modal Berbayar : RM ..... Peratus : .....
5. Nama-nama Pemegang Saham                      Jumlah Saham  
Peratus  
  
.....    .....
6. Nama-nama Pemegang Saham                      Nama Penandatangan  
Syarikat  
  
a) .....    a) .....  
b) .....    b) .....  
c) .....    c) .....
7. Bilangan Pekerja :  
  
Penyelia - .....  
  
Pemandu - .....  
  
Kelindan - .....



## **LATAR BELAKANG**

1. Apakah bidang kerja syarikat?

.....

2. Sejak bila telah berdaftar di bawah Kementerian Kewangan?

.....

3. Pengalaman dalam perkhidmatan pemungutan sampah?

.....

.....

4. Apakah masalah-masalah yang pernah didapati semasa melaksanakan kerja-kerja tersebut?

.....

.....

5. Pernahkan kontrak syarikat ditamatkan sebelum habis tempoh? Jika pernah berikan butir-butir dan sebab-sebab.

.....

.....

6. Penyata Bank Syarikat Bagi 3 bulan terakhir yang telah disahkan salinannya.

.....

**LAMPIRAN D****BORANG MAKLUMAT KENDERAAN / LORI**

<b>LORI JENIS PEMADAT (KOMPAKTOR)</b>	
<b>BIL.</b>	<b>MILIK SENDIRI</b>
1.	<b>Jumlah Unit :</b> .....
2.	<b>Model :</b> .....
3.	<b>No.Pendaftaran :</b> .....
4.	<b>Salinan Geran Asal Pemilik Syarikat/Nama Syarikat:</b> .....
5.	<b>Salinan Cukai Jalan :</b> .....
6.	<b>Kapasiti lori :</b> ..... Kg

- Gunakan ruang kosong dibawah sekiranya ruang diatas tidak mencukupi.
- Sila sertakan salinan dokumen-dokumen berkaitan di atas.



<b>LORI JENIS TERBUKA (OPEN TIPPER)</b>	
<b>BIL.</b>	<b>MILIK SENDIRI</b>
1.	<b>Jumlah Unit :</b> .....
2.	<b>Model :</b> .....
3.	<b>No.Pendaftaran :</b> .....
4.	<b>Salinan Geran Asal Pemilik Syarikat/Nama Syarikat:</b> .....
5.	<b>Salinan Cukai Jalan :</b> .....
6.	<b>Kapasiti lori :</b> ..... Kg

**LAMPIRAN E****JADUAL KERJA DAN CARA-CARA PERLAKSANAAN KERJA**  
**(Sila nyatakan dengan lengkap berdasarkan pengalaman)**

BIL	BIDANG KERJA	JADUAL KERJA DAN CARA-CARA PERLAKSANAAN



Kementerian Kewangan Malaysia

**SURAT AKUAN PEMBIDA  
KONTRAK PERKHIDMATAN PEMUNGUTAN DAN PENGANGKUTAN SISA PEPEJAL  
ZON TELUK INTAN**

Saya,..... nombor K.P..... yang mewakili ..... nombor Pendaftaran ..... dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Majlis Perbandaran Teluk Intan** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Majlis Perbandaran Teluk Intan** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga\* di atas; atau
  - 2.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebut harga\* di atas; dan
  - 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan
- Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....  
Nama :

No. KP :

Cop Syarikat :

Catatan : i) \*Potong mana yang tidak berkenaan  
ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa